



## KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI

### KENYATAAN MEDIA

#### KEMASUKAN PELAJAR ASASI DAN DIPLOMA SESI AKADEMIK 2021/2022

---

Kementerian Pengajian Tinggi komited dalam menjayakan aspirasi Kerajaan semasa Pelan Pemulihan Negara bagi menangani penularan wabak COVID-19. Mengambil kira situasi semasa di dalam negara, Kementerian ingin memaklumkan bahawa aktiviti pengajaran dan pembelajaran pelajar baharu program Asasi dan Diploma, Sesi Akademik 2021/2022 akan dijalankan **sepenuhnya secara dalam talian** bermula pada Ogos 2021.

Walau bagaimanapun, Universiti Awam (UA) boleh mempertimbangkan kemasukan pelajar Asasi dan Diploma ke kampus secara fizikal bermula **pada Oktober 2021 atau pada semester berikutnya** bergantung kepada kesediaan dan ketetapan UA masing-masing.

Bagi sebarang pertanyaan lanjut mengenai perkara ini, para pelajar dan ibu bapa boleh menghubungi **Bilik Gerakan COVID-19 KPT** yang dibuka 24 jam di talian 03-8870 6777/6949/ 6623/6628, melayari laman web IPT atau terus menghubungi Pegawai Penyelaras di IPT masing-masing.

**KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI**  
**30 JULAI 2021**